

# Barisan MPP diharap utama kebajikan mahasiswa

H.METRO  
29/1/09

**K**UALA LUMPUR: Barisan pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti awam tempatan baru yang dijangka diumumkan dalam tempoh terdekat diharap mampu menjalankan tanggungjawab lebih baik dalam memperjuangkan hak dan kebajikan mahasiswa.

Kepimpinan baru beberapa universiti itu yang masih dalam proses pembentukan turut diminta bersatu hati dan bekerjasama ketika melaksanakan tanggungjawab, sekaligus mengenyepikan perbezaan fahaman yang boleh mengundang perbezaan pendapat.

Bekas Yang Dipertua (YDP) MPP Sidang 2007/08, Universiti Putra Malaysia

(LEADERSHIP)

(UPM), Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata kepimpinan baru perlu bersedia meneruskan perjuangan barisan MPP terdahulu, khususnya dalam soal kebajikan dan hak penuntut.

“Meskipun nanti akan wujud perbezaan pendapat dan fahaman dikalangan barisan pemimpin terpilih, mereka hendaklah mengenyepikan semua itu sebaliknya perlu lebih fokus kepada urusan perjuangan perkara membabitkan masalah pelajar.

“Selain itu, YDP dan ahli Exco bakal dilantik juga diingat supaya menggunakan kelebihan dan kuasa diberikan dengan sewajarnya selain bersikap profesional ketika

berkhidmat, disamping ikhlas serta bertanggungjawab,” katanya ketika dihubungi semalam.

Mohamad Sabrie yang juga penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, berkata tiada isu berbangkit yang perlu diberi perhatian MPP baru, cuma dia menaruh harapan besar bakal pengganti tempatnya dapat menyanggah tugas dengan baik.

“Peluang terbabit dalam jawatankuasa khas mengenai kebajikan pelajar dipengerusikan Lembaga Pengarah UPM harus digunakan sebaik mungkin bakal YDP dalam membangkitkan soal kebajikan dan masalah penuntut pelbagai peringkat,” katanya.